

D038

U B105 DEB
MAHATHIR - GALAKAN
(I)

1984

KUAH, 23 NOV. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDIA MENIMBANGKAN PERMINTAAN PROMET BERHAD UNTUK Mendapatkan bantuan kewangan dan Galakan istimewa kerajaan bagi pembangunan projek peranginan antarabangnya berharga \$3,000 juta di Tanjung Rhu disini, demikian kata Datuk Seridr, Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, kerajaan hanya akan menimbangkan cadangan-cadangan yang difikirkan berpatutan dan dapat diterima, Perdana Menteri Yemberitahu para pemberita di akhir lawatan rasminya selama dua hari ke Pulau Langkawi.

Promet sebelum ini telah mencadangkan syarikat itu diberi Galakan istimewa untuk menarik para pelabur asing melabur dalam projek Raksaksa itu yang termasuk pempinaan 13 buah hotel, empat kondominium, sebuah pusat perubatan dan kemudahan hiburan.

Perdana Menteri yang melawat tapak projek itu semalam berkata, beliau berpuas hati dengan kemajuan projek itu setakat ini.

Tetapi, katanya, masih banyak yang perlu dilaksanakan termasuk mempercepatkan tindakan membuat keputusan. -- LAGI.

1609MST 23 11 84

D045

U B110 DEB

MAHATHIR - GALAKAN 2 KUAH
(I)

Promet dikatakan masih belum meluluskan beberapa cadangan dan pelan bangunan yang dikemukakan oleh 10 rakan kongsinya yang lain, kebanyakannya dare seberang laut.

Keajaan telah menubuhkan satu pasukan petugaskhas, diketuai oleh ketua pengarah unit penyelarasan pelaksanaan, Datuk Yahya Abdul Wahab untuk menyegerakan pembinaan projek tersebut. Anggota-anggota pasukan itu termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan dan Promet.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengulangi bahawa projek tersebut, projek perangsanan terbesar di negara ini, adalah menguntungkan dan akan berjaya walaupun mengalami masalah awal sekarang. Beliau tidak menjelaskan lebih lanjut.

Semasa di sini, Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan tertutup dengan pegawai-pegawai tinggi Promet termasuk pengerusinya, Tan Sri Ibrahim Mohamad, untuk membincangkan pelbagai perkara berhubung dengan projek itu.

Beliau juga telah melawat kawasan sekitar projek itu dengan bot. -- LAGI.

1 423MST 23 11 84

U B118 DEB
MAHATHIR - GALAKAN 3 KUALALUMPUR
(I)

Cadangan-cadangan Promet yang terkandung di dalam laporan 50 halaman yang dikemukakan kepada kerajaan baru-baru ini, antara lain, menggesa kelonggaran ekuiti hak milik asing di dalam projek tersebut.

Cadangan-cadangan lain termasuklah:-

- + Melonggarkan peraturan pemindahan tanah kepada syarikat-syarikat pemilik=
- + Dasar ruang angkasa terbuka yang membenarkan semua penerbangan antarabangsa mendarat terus di Pulau Langkawi=
- + Memberi taraf pemastautin tetap di Malaysia kepada para pelabur asing yang melabur sekurang-kurangnya \$1 juta=
- + Semua syarikat yang menjalankan operasi di kawasan peranginan itu diberi taraf perintis atau cukai percutian= dan
- + Bank negara hendaklah mengelaskan projek tersebut sebagai sektor yang menguntungkan untuk membolehkannya menikmati keutamaan pinjaman dan sentiasa ada ringgit tempatan untuk membiayai pembangunan. -- BERNAMA.

1450MST 23 11 84